

Video Origami taruhan USIM

Ayer Keroh: Biarpun tidak memiliki latar belakang pengajian dalam seni persembahan atau perfileman, itu bukan halangan bagi pasukan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyerlahkan kreativiti menerusi penghasilan video menarik berkaitan disleksia.

Menggelarkan pasukan mereka sebagai Light Motion Production, video pendek berdurasi 3.04 minit yang berjudul 'Origami' dihasilkan dalam Pertandingan Video Kesedaran Disleksia anjuran

Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Persatuan Disleksia Malaysia.

Video yang berjaya merangkul tempat ketiga itu hasil kreativiti Fairus Abdul Manaf, Maisarah Mohamad, Jasmi Mohd Zain, Muhammad Nor Amin Jamaluddin, Ahmad Hafiz Mislachuddin, Muhamad Safuan Mohd Fadzil, Muhammad Aiman Mohd Nasaruddin dan Zainal Hakim Zakaria.

Anugerah lain

Sebelum ini, kumpulan sama pernah merangkul Anugerah Video/Filem Paling Popular di Majlis Anugerah Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia (FFVPM) anjuran FINAS menerusi filem pendek bertajuk Dompot.

Pertandingan terbuka kepada pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia itu bertujuan memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai Disleksia iaitu satu daripada gangguan dalam pembelajaran yang biasanya dialami oleh kanak-kanak.

Lazimnya, masalah pembelajaran yang dihadapi adalah seperti membaca, menulis, mengeja dan kemahiran mengira



Pasukan Light Motion Production yang bertanggungjawab menghasilkan video Origami.

walaupun mempunyai daya pemikiran yang normal.

Ternyata skrip dan olahan jalan cerita yang menarik menjadikan video Origami dipilih sebagai satu daripada lima finalis

untuk mara ke peringkat akhir dan berjaya merangkul tempat ketiga. Tempat pertama dan kedua diraih kumpulan daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Penilaian dibuat berdasarkan pilihan penonton secara online di laman YouTube melalui jumlah 'Like' yang diperoleh bagi setiap video yang dipertandingkan.